




Atur cara

Syarahan: Jasad siapa dan tubuh apa? Atau, apakah bekas untuk menyimpan peninggalan suci di Kuil Famen beritahu kita?

Eugene Wang, Profesor Seni Asia di Muzium Seni Rakyat Abby Aldrich Rockefeller, Universiti Harvard
Sabtu, 18 Januari, 10.30 pagi

Siri Syarahan mengenai Ehwai Negara Cina anjuran Muzium Tamadun Asia-NUS: Kelpelbagaian Budaya: Dinasti Tang dan Jalan Sutera

Lee Cheuk Yin, Profesor tamu di Universiti Wuhan, Universiti Nanjing, dan Universiti Hubei, Negara Cina
Sabtu, 25 Januari, 2 petang

Perbualan dengan Tim Yip: satu perbincangan mengenai seni, reka bentuk, dan fesyen

Jumaat, 7 Februari, 7.30 malam (dalam Bahasa Inggeris)

Sabtu, 8 Februari, 2 petang (dalam Bahasa Mandarin)

Lawatan Berpandu Oleh Kurator

21 Februari dan 21 Mac 2014 – 7.30 malam

\$15

Pesta Hujung Minggu mengenai Rahsia Di Sebalik Pagoda yang Runtuh

8 dan 9 Mac, 1 petang hingga 5 petang

Masuk percuma

Malam Untuk Wanita

8 Mac, 5 petang hingga 10 malam

Masuk percuma

Lungsur www.acm.org.sg untuk butir lanjut dan maklumat pendaftaran.

Imej di atas: **Sepasang hiasan bertatah: singa**. Dinasti Tang. Perak. Muzium Longxian

Kulit muka depan: **Bekas untuk menyimpan empat puluh lima patung Buddha** (butir-butir). Lihat halaman 4.

ACM ASIAN CIVILISATIONS MUSEUM

1 Empress Place, Singapore 179555

www.acm.org.sg • Hours: Daily 10am to 7pm • Friday 10am to 9pm

Rahsia Di Sebalik Pagoda yang Runtuh

Khazanah daripada Kuil Famen
dan Istana Tang



hingga 4 Mei

Muzium Tamadun Asia
Dianjurkan bersama dengan Biro Peninggalan Budaya Wilayah Shaanxi dan
Pusat Promosi Warisan Budaya Shaanxi, Republik Rakyat Cina

DINASTI TANG CHINA

Ibu negara dinasti Tang Cina (618–907), Chang'an (Xi'an masa kini), merupakan hab bagi pertukaran ekonomi dan kebudayaan. Terletak tidak jauh darinya adalah Kuil Famen, salah sebuah kuil Buddha yang sering dikunjungi oleh penganut agama itu. Selama lebih dari seribu tahun, tulang jari Buddha dan pelbagai keindahan seni dinasti Tang yang diperbuat daripada emas, perak, tembikar, dan kaca telah disimpan dalam sebuah ruang di bawah tanah kuil tersebut dan telah dilupakan. Khazanah ini telah dijumpai semula secara kebetulan pada 1987 dan bersama objek-objek lain dari beberapa muzium terkemuka di Shaanxi, akan dikemukakan sebagai pameran khas memaparkan kesenian dan kebudayaan dinasti Tang.



Kuil Famen

PATUNG-PATUNG PENGEBUMIAN

Patung-patung pengebumian, termasuk pengawal makam dan unta, adalah satu aspek penting arca Cina. Selama berkurun-kurun lamanya, makam-makam telah dilengkapi dengan objek-objek untuk kegunaan di alam sesudah mati. Amalan untuk membawa barang-barang yang serupa dengan barang-barang yang telah dinikmati semasa hidup ke alam sesudah mati diteruskan ke zaman dinasti Tang. Kejayaan ekonomi negara Cina pada dinasti Tang menggalakkan orang untuk menghias makam dengan banyak sekali lukisan dinding dan barangan pengebumian.



Patung-patung makam memaparkan makhluk-makhluk realistik dan fantastik, dari makhluk berkuasa ajaib yang bertujuan untuk menghalau kuasa jahat, hingga ke pegawai awam dan penghibur yang bertujuan untuk berkhidmat di alam sesudah mati. Makhluk yang menggerunkan seperti haiwan pengawal makam ini (*zhennushou*) sangat popular pada dinasti Tang.

Pengawal makam

Ikat kurun ke-7 atau ke-8
barang tembikar, 56 x 27 x 22 sentimeter
Muzium Xi'an

Unta tembikar seperti ini menunjukkan kegemaran masyarakat Tang terhadap haiwan, dan juga minat terhadap orang-orang yang mengembara sepanjang Jalan Sutera antara Asia Tengah dan negara Cina. Unta yang mempunyai dua bonggol dari wilayah Bactria diletakkan barangan dan dua guni makanan yang dihias kepala-kepala haiwan. Unta sangat bernilai di kawasan gurun, dengan menyediakan pengangkutan, susu, dan kadang kala daging kepada pengembara.




Unta yang membawa barang

separuh kedua kurun ke-7 atau ke-8
barang tembikar, 25 x 18 x 12 sentimeter
Muzium Xi'an

BARANG-BARANG DARI RUANG BAWAH TANAH KUIL FAMEN

Sebuah ruang bawah tanah yang besar telah ditemui pada 1987 sedang pagoda Kuil Famen dibaiki. Empat peninggalan Buddha, di samping hampir sembilan ratus objek lain dijumpai di dalamnya. Kebanyakan objek ini telah diberikan sebagai hadiah sebagai menghormati relik yang ditempatkan di kuil ini.



Gambar rajah ruang bawah tanah Kuil Famen, yang menunjukkan tiga kamar utama dan petak yang tersembunyi.

- | | |
|--|---------------------------|
| 1. Anak tangga ke ruang bawah tanah | 5. Ruang tengah |
| 2. Koridor pintu masuk | 6. Ruang belakang |
| 3. Dua kepingan batu kepad pintu masuk | 7. Petak yang tersembunyi |
| 4. Ruang depan | |

Kotak ini adalah yang paling tengah di antara lima kotak yang dijumpai tersembunyi di bawah kamar belakang dalam ruang bawah tanah Kuil Famen. Ia difikirkan telah menempatkan peninggalan tulang jari tulen Buddha. Dibuat daripada sebongkah batu jed, rekabentuknya yang mudah, menyerlahkan kehalusan dan kilauan bahan tersebut. Jed telah digunakan untuk upacara ritual dan pengawetan mayat di negara Cina sejak zaman Neolithik. Ia telah juga digunakan dalam usaha untuk mencapai keabadian, dan dalam alkimia. Jed dikatakan mempunyai kuasa ajaib dan ini membuatnya lebih kompleks dalam konteks agama Buddha.



Bekas berbentuk keranda
sekitar 871
batu jed, 5 x 6.8 x 3.5 sentimeter
Muzium Kuil Famen



Bekas yang menyimpan empat puluh lima patung Buddha
bertarikh 871
bersepuh perak, 17 x 17 x 17 sentimeter
Muzium Kuil Famen

Relik yang dipercayai dengan meluas sebagai tulang jari tulen Shakyamuni Buddha telah ditanam dalam satu set lima kotak yang bersarang. Kotak bersepuh perak ini adalah yang kedua, dan yang dihias dengan ukiran yang paling rumit. Permukaannya diukir dengan penghuni Alam Mandala Berlian, satu daripada alam utama dalam agama Buddha Esoterik. Pada penutupnya adalah Vairocana, dewa utama, yang lebih tinggi darjatnya daripada Buddha sejarah sebagai tumpuan pemujaan dalam agama Buddha Esoterik.



Perbara untuk membakar setanggi dan kakinya
bertarikh 869
sebahagiannya bersepuh perak, ketinggian 50.5 sentimeter
Muzium Kuil Famen

Dalam ruang bawah tanah Kuil Famen, perbara untuk membakar setanggi telah diletakkan di tempat-tempat penting sepanjang paksi kamar-kamar ini, yang mencadangkan bahawa ia memainkan peranan yang agak penting. Rekabentuk rumit perbara ini mungkin telah dipengaruhi oleh seni Asia Tengah. Semasa dinasti Tang, barang-barang mewah dari luar negeri tiba menerusi dagangan dan sebagai hadiah.

Penggunaan setanggi dalam upacara agama berasal sejak zaman purba kala di negara Cina. Setanggi adalah juga bahan yang biasa digunakan di upacara agama di India. Walaupun ia tidak sepenuhnya dikaitkan dengan agama Buddha, setanggi adalah satu bahagian penting daripada amalan agama Buddha dan perbara mempunyai motif agama Buddha seperti bunga teratai.



Pengisar Daun Teh
bertarikh 869
sebahagiannya bersepuh perak, panjang 27.4 sentimeter;
penggelek: diameter 8.9 sentimeter
Muzium Kuil Famen

Satu set alat-alat untuk membuat teh dijumpai di kamar paling belakang dalam ruang bawah tanah Kuil Famen. Hakikat bahawa alat-alat untuk membuat teh telah ditawarkan untuk menghormati peninggalan Buddha menunjukkan tingginya taraf teh dalam masyarakat pada dinasti Tang. Banyak biara menanam pokok teh mereka sendiri dan sebahagiannya malah menghadiahkannya kepada raja. Peminuman teh digalakkan di kalangan penganut agama Buddha Chan (Zen) kerana ia membantu menghilangkan kantuk semasa meditasi.

Ini adalah sebahagian daripada set yang paling lengkap yang kekal hingga ke hari ini dari dinasti Tang. Ia adalah barang kegunaan praktikal dan juga merupakan hasil seni yang canggih dan menarik.



Seluruh permukaan besen ini banyak dihiasi dengan pasangan itik mandarin yang dikelilingi bunga delima dan awan. Itik mandarin dan buah delima adalah lambang Cina yang popular di mana itik mandarin melambangkan kebahagiaan suami isteri dan buah delima melambangkan kesuburan, dan kedua-duanya menandakan keinginan pemiliknya dirahmati kasih sayang dan keturunan.

Mutu tinggi besen ini tidak syak mendorong istana untuk menawarkannya sebagai hadiah mewah kepada reliq Buddha. Oleh kerana ia sangat berharga, ia menjadi hadiah yang sesuai sebagai tanda kewarakan agama, manakala saiznya menjadikannya sebuah bekas yang berguna untuk ritual penyucian.

Besen berukirkan itik mandarin dan bunga
menjelang 874
sebahagiannya bersepuh perak, 14.5 x 46 x 46 sentimeter
Muzium Kuil Famen

Apabila dijumpai dalam ruang bawah tanah, botol ini mengandungi sekeping kertas dengan dua rangkap: hanya perkataan “teratai” dan “benar” dapat dibaca. Ini mencadangkan bahawa bekas itu mungkin mengandungi peninggalan Buddha; teratai adalah satu lambang agama Buddha, sementara peninggalan itu dimaksudkan sebagai Jasad Sebenar (*zhen shen*) pada tiang inventori ruang bawah tanah itu.

Bentuknya – ia jarang sekali dibuat daripada kaca – dikaitkan dengan bekas-bekas perak yang dibuat oleh kaum Sasania, yang menguasai Iran, wilayah-wilayah berhampiran, dan rantau-rantau lain dari tahun 224 hingga 651. Rekabentuk berbentuk H di sekeliling bahagian yang paling luas, kemungkinan kulit binatang atau gambaran manusia, dilihat pada botol yang dihasilkan oleh pembuat gelas Syria-Palestin yang berusaha dalam kurun ke-6 hingga ke-8.



Botol
Rantau Syria-Palestin, mungkin kurun ke-7 atau ke-8
gelas, ketinggian 21.3 sentimeter
Muzium Kuil Famen

AGAMA BUDDHA

Semasa dinasti Tang, fahaman agama Esoterik Buddha, juga dipanggil amalan agama Buddha Vajrayana, telah berkembang. Tiga orang sami Asia Selatan telah memainkan peranan yang sangat penting mempopularkannya di negara Cina menerusi hasil terjemahan mereka dan melalui hubungan dengan anggota-anggota kaum elit masyarakat Tang. Dampak fahaman Tantri jelas sekali dilihat pada barang-barang yang terdapat dalam ruang bawah tanah Kuil Famen.

Arca ini menggambarkan Hayagriva, Raja Cahaya Terang Yang Berkepala Kuda, salah satu daripada dewa eksklusif dan kadang kala kompleks yang dikaitkan dengan fahaman agama Buddha Esoterik. Di kalangan dewa-dewa dalam agama Buddha Esoterik, Hayagriva adalah manifestasi amarah Avalokiteshvara. Wajahnya yang bengis, dengan mata yang terbeliak dan taring terjongket, bertujuan untuk menghalau kuasa jahat dan menyucikan kepercayaan agama Buddha.



Hayagriva
sekitar 800
marmar, ketinggian 88 sentimeter
Muzium Xi'an Beilin

MASYARAKAT TANG YANG KOSMOPOLITAN

Laluan sutera darat dan laut membawa banyak pedagang, penziarah agama dan duta dari dekat dan jauh ke negara Cina pada dinasti Tang (618–907). Ibu negaranya, Chang'an, adalah kota yang mempunyai penduduk paling ramai di dunia. Kekayaan ini dan kosmopolitan ditunjukkan menerusi banyak barang eksotik yang terdapat di Kuil Famen.

Jag gangsa ini adalah satu daripada objek yang paling aneh yang ditemui di negara Cina dalam beberapa tahun yang akhir ini. Ia dijumpai bersama lebih seratus barang dalam ruang bawah tanah Biara Qingshan (wilayah Shaanxi), yang telah ditutup pada 741. Ia berkaitan dengan seni pasu Iran dan Khotan, sebuah kota di barat daya Cina. Kedua-dua kawasan terletak di Laluan Sutera, yang menghubungkan negara Cina pada dinasti Tang ke Asia Tengah dan rantau yang jauh daripada itu.



Jag dengan wajah-wajah
mungkin kerajaan Khotan,
mungkin awal kurun ke-8 (menjelang 741)
gangsa, ketinggian 29.5 sentimeter
Muzium Lintong

WANITA TANG

Dinasti Tang berbeza daripada tempoh-tempoh dinasti lain sebagai satu zaman di mana wanita menikmati kuasa dan autonomi yang lebih besar. Persepsi ini sebahagiannya dibentuk oleh kekuasaan politik yang dinikmati oleh wanita tertentu, terutama sekali Maharani Wu Zetian (625–705), satu-satunya maharaja perempuan dalam sejarah negara Cina. Kemakmuran empayar Tang serta budaya nomadik di rantau steppe barat laut yang merupakan tanah asal usul raja-raja Tang telah memupuk persamaan jantina yang lebih besar.



Dayang istana
sekitar 663
barang tembikar berlukisan, ketinggian 30.2 sentimeter
Institut Kaji Purba Shaanxi



Mural tiga pembantu wanita (butir-butir)
sekitar 707
Pigmen pada plaster, 132 x 168 sentimeter
Institut Kaji Purba Shaanxi

Imej wanita-wanita yang berani dan yakin ini dicerminkan dalam bahan dan budaya persuratan Tang, yang menggambarkan wanita dalam pelbagai peranan dan kegiatan. Satu sumber penting adalah mural makam dan patung yang menunjukkan wanita menikmati sukan seperti polo, dan menjalani kehidupan yang melewati batas-batas domestik tradisional. Pemakaian pakaian lelaki oleh kaum wanita juga kelihatan sebagai lazim. Namun mereka tidak lupa untuk memperagakan kewanitaan mereka, dengan memberi banyak sekali perhatian pada pakaian, rambut, dan dandanan.

HAIWAN

Kuda merupakan tunggangan pilihan semasa dinasti Tang. Ia ditunggang untuk berperang, dalam perarakan pengebumian, untuk bergerak dari stesen ke stesen sepanjang sistem pos berganti-ganti cepat, dan bahkan untuk riadah oleh kaum atasan seperti memburu dan bermain polo.



Pemburu yang menunggang kuda
sekitar 701
barang tembikar bersadur, 33 x 29 sentimeter
Muzium Sejarah Shaanxi

Enam daripada dua belas haiwan zodiak
mungkin kurun ke-8
bekas tembikar, ketinggian 31 hingga 34.5 sentimeter
Institut Kaji Purba Shaanxi



Set dua belas haiwan zodiak yang dibuat daripada tembikar mungkin adalah barang pengebumian yang paling biasa yang terdapat di makam-makam dinasti Tang dan Song. Ia menjadi popular pada masa dinasti Tang untuk melambangkan putaran dua belas tahun dengan haiwan. Patung-patung berkepala haiwan yang memakai jubah labuh pendita merupakan manusia berkepala haiwan.